

Penerimaan Istilah Dalam Kalangan Penuntut Sains Sosial: Kajian Sosiobudaya

Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaluddin
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
shima@ukm.edu.my

Abstrak

Istilah adalah kata leksikal teknikal yang sering kali sukar dikenali oleh pengguna bahasa. Selalunya kata teknikal yang kerap digunakan dalam media massa akan dapat membantu pengguna mengenal pasti istilah khusus ini. Contohnya, istilah perundangan akan lebih mudah dikenali berbanding istilah ekonomi dan agama. Fenomena ini mempunyai dua kesan. Pertama, peristilahan ekonomi, agama telah berjaya meresap ke dalam masyarakat sehingga pengguna menganggap ia adalah bahasa harian. Atau keduanya, masyarakat tidak memahami langsung apa itu istilah. Kajian ini telah meninjau pendapat 186 orang pelajar jurusan sains sosial di Institut Pengajian Tinggi Malaysia mengenai kefahaman mereka terhadap istilah. Soal selidik latar belakang ringkas responden dan diikuti dengan soalan teks telah dilakukan. Ternyata bahawa pengguna bahasa memang akan dapat mengenal pasti istilah perundangan dengan lebih mudah berbanding dengan istilah ekonomi, agama dan bahasa. 56% responden berjaya mengenal pasti istilah perundangan dengan mudah, 28% pula mewakili istilah ekonomi, 23% istilah agama dan 20% istilah bahasa. Peratusan yang rendah ini boleh menyebabkan pemahaman ilmu aras tinggi menjadi terganggu. Faktor umur juga memainkan peranan yang penting. Mereka yang berada di tahap pengajian sarjana memang mampu mengenal pasti istilah berbanding mereka di peringkat prasiswazah. Keadaan ini juga akan memberi jawapan kepada kenapa banyak istilah MABBIM menjadi legap lantaran konteks penggunaan bahasa yang berbeza mengikut lokaliti dan kadar pemahaman pengguna bahasa yang rendah. Kajian Nor Hashimah dan Junaini (2007) membuktikan bahawa perbezaan budaya memang menjadi penghalang kepada kesalingfahaman istilah antara dua negara. Namun ini tidak seharusnya menjadi penghalang kepada usaha murni MABBIM dalam mengetengahkan istilah yang telah digubal. Perbezaan penggunaan istilah sebenar pasti akan dapat difahami berdasarkan konteks yang melingkungi teks tersebut. Dunia teknologi seperti laman sesawang dan laman sosial boleh digunakan untuk membantu mempopularkan istilah malah dapat dimanfaatkan dalam penulisan dan ungkapan aras tinggi.

Pengenalan

Istilah ialah kata atau frasa yang mengungkapkan konsep yang khusus yang terdapat dalam sesuatu bidang ilmu atau profesional. Sesuatu istilah itu mempunyai makna yang tepat bagi konteks bidangnya, dan dengan itu dapat diberi definisi yang tepat (PUIBM 2004). Penggunaan istilah selalunya dikaitkan dengan disiplin ilmu. Dengan adanya istilah khusus, ia akan menjadikan ilmu yang hendak dibincangkan menjadi lebih ilmiah. Secara tidak langsung ia akan membezakan istilah dengan bahasa harian. Istilah diperlukan bagi mengungkap makna khusus. Contohnya, istilah ‘halal dan haram’ diperlukan dalam ilmu agama. Konsep ‘halal’ yang dianggap mudah oleh orang Islam adalah sukar difahami oleh orang bukan Islam. Maka ungkapan konsep ini harus dijelaskan. Kita selalu berhadapan dengan teman-teman bukan Islam terutama di peringkat antarabangsa mengenai konsep ‘halal’. Pada bukan Islam hanya babi sahaja yang haram dan tidak boleh dimakan. Tetapi mereka kurang arif tentang perlunya penyembelihan mengikut syarak yang ditetapkan dalam Islam. Maka dengan itu, istilah ini harus diterangkan bukan sahaja dalam disiplin agama tetapi juga budaya dan sosiologi.

Kategori Istilah

Istilah digubal secara khusus oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di peringkat nasional dan MABBIM di peringkat serantau. Ada buku istilah, glosari dan kamus istilah. Buku istilah lebih menghuraikan padanan dalam bahasa Melayu. Contohnya, *anatomy* – anatomi, *ancient* – kuno. Ini dilakukan di peringkat kebangsaan. Manakala di peringkat MABBIM pula akan ada contohnya:

Bil	Bahasa Sumber	Brunei	Indonesia	Malaysia
1	Ability test	Ujian kebolehan	Tes kemampuan	Ujian kebolehan
2	Absolute scales	Skala mutlak	Skala mutlak	Skala mutlak
3	Mode	Mod	Modus	Mod

Jadual 1: Contoh Istilah MABBIM

Pihak MABBIM selalunya akan cuba menyelaraskan istilah yang lebih seragam agar boleh difahami oleh negara anggota. Berbeza dengan glosari dan kamus istilah, kedua-dua teks ini memberikan makna yang lebih lengkap. Ia tidak terhad kepada kata padanan seperti di atas tetapi lebih banyak maklumatnya. Contohnya dalam Glosari Pendidikan (Jilid 1 2005), istilah didefinisikan seperti di bawah:

Bahasa Inggeris	Huraian	Bahasa Melayu
adaptation	Kebolehan individu untuk berinteraksi dan memberi gerak balas kepada persekitaran	adaptasi
disclosure	Memberitahu peserta bahawa mereka adalah objek yang dikaji	pendedahan

Jadual 2: Contoh Daripada Glosari Istilah

Manakala kamus istilah memberikan maklumat yang jauh lebih mendalam. Ia bukan terhenti setakat kata padanan tetapi huraian yang jelas telah diberikan. Contohnya adalah seperti dalam penerangan di bawah;

pendapat awam (*Ig. Public opinion*)

Pandangan, idea, buah fikiran, sikap, kepercayaan dan persepsi individu dalam masyarakat, yang diperoleh melalui media dan pingutan suara dari satu segmen masyarakat yang boleh mewakili pendapat umum terhadap sesuatu isu. Pandangan yang datang daripada masyarakat umum biasanya berkaitan dengan sesuatu isu atau masalah yang berlaku di persekitaran mereka, dasar yang dilaksanakan oleh pemerintah, dan perkembangan yang berlaku di luar negara. Antara saluran utama pendapat awam ialah agensi pingutan suara, akhbar, forum perbincangan, seminar, konvensyen, internet dan telefon (Kamus Sains Politik 2009).

Tiga cara masukan dan huraian bagi istilah ini mempunyai pewajaran yang tersendiri. Apa yang hendak dilihat secara umum, ialah tahap kesenangan dan kesukaran istilah-istilah ini. Contoh di bawah dipetik daripada Istilah Pendidikan (1981) dan Kamus Filologi (1995).

Bil	Pendidikan		Filologi	
	Mudah	Sukar/teknikal	Mudah	Sukar/teknikal
1	analisis	mitosis	badut	adikarya
2	bias	binomial	catatan	celetuk
3	penerimaan	absisa	bantuan	augment
4	ketepatan	aptitud	ciri	eksordium
5	andaian	Market rembunai	dalang	fabel

Jadual 2: Istilah Mudah dan Sukar

Darjah kesenangan dan kesukaran memahami sesuatu istilah bergantung kepada pengguna bahasa. Istilah menjadi sukar apabila pengguna tidak merujuk kepada buku, glosari atau kamus istilah yang telah disediakan. Kegagalan merujuk kepada sumber sahih menyebabkan pengguna lebih memilih bahasa sumber, selalunya bahasa Inggeris. Maka dengan itu akan lahir pelbagai istilah yang tidak seragam dan akhirnya membawa kepada kekeliruan.

Pemahaman Umum Istilah


Menurut Hartmann 1993 dan Apresjan 2000 (dalam Hasnah 2008), kamus umum atau kamus istilah dirujuk terutamanya untuk memberi pemahaman makna sesuatu kata atau entri kamus kepada para pengguna. Dalam hal inilah penyusun kamus bersama-sama ahli tatabahasa serta guru bahasa memberikan sumbangan terhadap pengembangan pembakuan bahasa secara berterusan. Antara sebab lain yang mendorong orang merujuk kamus adalah untuk memastikan ejaan dan sebutan, mengetahui asal usul kata, mencari sinonim, menterjemah, atau untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang sesuatu kata (Boogards 2003).

Selaku badan perancangan bahasa tunggal di negara ini, DBP sentiasa berusaha meningkatkan usaha penghasilan istilah dan kamus istilah dalam rangka pengekodan bahasa ke arah menjadikan bahasa kebangsaan kita sebagai bahasa ilmu (A. Aziz 1996).

Menurut Hartmann (1993), ciri takrif kamus istilah terbaik adalah seperti yang berikut;

1. Takrif harus jelas, sempurna dan tepat;
Terlalu bersederhana dalam membuat takrifan menjadi halangan kepada penghasilan takrif yang baik.
2. Takrif mempunyai contoh untuk menunjukkan istilah dalam konteks khusus;
Contoh dipilih berdasarkan ketulenan, kekerapan penggunaannya dan kegunaannya untuk pembelajaran.
3. Takrif bagi kamus istilah peringkat tinggi harus lebih terperinci;
Mengandungi maklumat ensiklopedia yang memadai. Sebarang maklumat geografi, sejarah atau institusi penting yang dianggap menarik kepada pengguna peringkat ini harus juga dimasukkan.


Berdasarkan pendapat di atas, maka satu kajian dilakukan terhadap 182 mahasiswa Sains Sosial untuk mengetahui tahap pemahaman mereka terhadap istilah. Responden terdiri daripada pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (jurusan psikologi, geografi, sejarah, antropologi, pembangunan, linguistik), pelajar jurusan Undang-Undang, Komunikasi dan Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA. Sejumlah 12 soalan telah ditanya mengenai pemahaman mereka terhadap istilah, persepsi mereka terhadap pembuat dasar istilah dan ujian kefahaman teks. Daripada jadual 3 di bawah, kajian menunjukkan bahawa lebih 80% mahasiswa kenal apa itu istilah, mereka tahu bahawa istilah berbeza dengan bahasa harian. Lebih 50% responden mengatakan yang mereka pernah belajar istilah di sekolah dan malah lebih 70% daripada responden ada menggunakan istilah. Kajian menunjukkan bahawa istilah bukanlah satu perkara yang asing di kalangan mahasiswa sains sosial.




Jadual 3: Pemahaman Pada Istilah

Kelompok soalan berikutnya lebih tertumpu kepada persepsi mereka terhadap pelaksana peristilahan. Mereka ditanya mengenai peranan media, peranan Dewan Bahasa dan Pustaka, dan sumber rujukan. Lebih 75% responden menyatakan media boleh memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan istilah. Jika ditinjau pada rancangan berita mahupun dokumentari, kita dapati pendapat ini ada benarnya. Semua stesen radio dan televesyen selalunya akan menggunakan istilah yang baik dalam menyampaikan berita. Kes terbaru kehilangan MAS MH370 membuktikan bahawa pihak media telah menggunakan istilah yang baik dan bertepatan semasa membuat laporan nahas tersebut. Malah tetamu yang diwawancara juga telah mampu menggunakan istilah yang mudah dan difahami oleh khalayak apabila bercakap tentang kemalangan tersebut. Ini boleh dikaitkan dengan peranan DBP yang menjadi tonggak kepada penggubalan dan penyebaran istilah di negara ini. Lebih 85% reponden menyatakan persetujuan ini kecuali responden dari Fakulti Undang-Undang iaitu 73%. Ini dapat difahami kerana kuliah undang-undang terutamanya di Universiti Teknologi MARA masih menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris. Dengan itu, peranan DBP kurang dirasakan oleh responden-responden ini. Tiga soalan terakhir memerlukan perhatian daripada pihak DBP. Kurang daripada 60% responden pernah mengenali MABBIM. Malah hanya 16% pelajar undang-undang dan 37% pelajar Media yang mengetahui mengenai kewujudan MABBIM. Ini lazim berlaku kerana

MABBIM lebih eksklusif kepada penggubal dan pengguna hanya mengetahui hasil yang telah dibukukan. Tetapi yang patut diambil berat adalah kurang daripada 60% menyatakan mereka sukar mendapatkan buku istilah. Ini boleh dikaitkan dengan soalan terakhir iaitu adakah anda merujuk 'Pusat Rujukan Persuratan Melayu' (PRPM), iaitu laman sesawang DBP yang menyediakan pelbagai khidmat pembaca. Meskipun laman ini menduduki tempat teratas dari segi rujukan peringkat kebangsaan, namun usaha giat harus ditingkatkan bagi memperkenalkan PRPM kepada khalayak agar semua maklumat bahasa dapat dicapai 'melalui hujung jari pengguna'. Dengan itu angka peratusan dapat ditingkatkan. Pada saat ini kurang daripada 60% responden merujuk PRPM. Namun angka ini masih dianggap baik dan memberangsangkan. Jadual 4 di bawah memperlihatkan peratusan seperti yang dibincangkan di atas.



Jadual 4: Persepsi Pengguna Pada Peranan Penggubal Istilah



Jadual 5: Pemahaman Istilah Mengikut Teks

Satu aspek yang menarik dalam kajian ini adalah bagaimana responden mengenal pasti istilah pada teks-teks terpilih. Sebanyak 4 teks yang terdiri daripada teks ekonomi, undang-undang, agama dan bahasa telah diuji kepada responden (lihat lampiran 1). Daripada kajian yang dilakukan ternyata istilah teks undang-undang yang paling dikenali. Ini memang mudah diduga kerana istilah undang-undang bersifat teknikal. Peranan media dalam mengenengahkan istilah ini juga terasa dengan banyaknya kes-kes mahkamah yang dilaporkan setiap hari. Tetapi bagi teks ekonomi, agama dan bahasa, peratusan bagi responden FSSK, Undang-Undang dan Medua adalah sangat rendah iaitu tidak mencapai tahap 35% kecuali bagi mereka daripada Akademi Pengajian Bahasa. Peratusan yang rendah ini mempunyai dua implikasi. Pertama, istilah ini telah berjaya meresap masuk ke dalam bahasa seharian sehingga responden tidak menyedari kehadirannya. Ini bermaksud, usaha DBP dengan kerjasama media telah berjaya memasyarakatkan peristilahan. Atau keduanya, responden langsung tidak menyedari leksikal tersebut adalah istilah dalam erti kata yang sebenar. Contohnya kita ada istilah *pasaran*, *persaingan*, *ekonomi terbuka*, *syarikat*, *swasta*, *pelaburan domestik*, *pelaburan asing*. Kesemua istilah ekonomi ini adalah istilah yang sangat kerap digunakan dalam laporan. Sebab itulah responden merasakan ini bukan istilah.

Begitu juga dengan istilah agama dan bahasa. Dalam teks agama, istilah yang diketengahkan adalah istilah *halal-haram, masyarakat bukan Islam, syarak, dua alam, penyembelihan haiwan, pasaran terbuka* juga adalah leksikal mudah yang senang difahami oleh responden. Justru mereka menganggap kesemua ini bukan istilah. Begitu juga dengan teks bahasa. Frasa dan leksikal seperti *simpulan bahasa, imej, perlambangan, makna tersurat dan makna tersirat* dianggap istilah dalam konteks kajian bahasa. Sekali lagi responden gagal menanggapi yang kesemua ini bukan istilah. Meskipun istilah-istilah ini telah teresap dan menjadi bahasa harian, namun kesedaran istilah harus ada pada para responden yang rata-ratanya penuntut universiti.

Satu dapatan menarik adalah responden daripada Akademi Pengajian Bahasa menunjukkan hasil pemahaman yang sangat baik dalam peristilahan. Kesemua istilah yang digunakan dalam teks dapat dicerap dengan baik dan menghasilkan dapatan kajian yang memberangsangkan. Pujian harus diberikan kepada tenaga pengajar yang berjaya memberikan pemahaman mengenai laras bahasa yang penting dalam penulisan. Kertas ini akan menjadi lebih menarik jika kajian oleh pengkaji lain diketengahkan bagi menggambarkan situasi peristilahan di Malaysia. Dua kajian lain di samping kajian di atas telah dikenal pasti. Pertamanya, kajian Hasnah Mohamad (2008) dan Nor Hashimah dan Junaini (2007). Kajian Hasnah (2008) telah dilakukan di lapangan kesihatan dan Nor Hashimah & Junaini (2007) lintas budaya di lapangan teknologi maklumat. Hasnah membandingkan respons pengguna dan pengamal istilah sementara kajian Nor Hashimah dan Junaini memperlihatkan taraf kesalingfahaman antara pengguna istilah di Malaysia dan Indonesia dan impaknya pada penggubalan istilah di peringkat MABBIM.

Situasi Peristilahan di Malaysia:

Takrif berkonflik antara responden pelajar dengan pengamal

Hasnah (2008) telah melakukan kajian mendalam mengenai takrifan. Hasnah telah membandingkan takrifan yang mana pilihan pengguna atau pengamal yang dilakukan di hospital kerajaan. Takrif berkonflik antara responden pelajar dengan pengamal pula merujuk pada kes apabila takrif yang dipilih oleh responden pelajar dan pengamal didapati berbeza. Responden pelajar memilih takrif yang bukan merupakan takrif cadangan, sebaliknya responden pengamal

pula memilih takrif yang dicadangkan. Terdapat empat takrif yang termasuk dalam kategori ini, iaitu *bakterisid*, *fibrosis*, *forseps* dan *fremitus*.

Entri	Takrif cadangan (pilihan responden pengamal)	Takrif pilihan (pilihan responden pelajar)
bakterisid	agen yang berupaya membunuh bakteria. Contoh agen yang mempunyai ciri ini termasuklah antibiotik, antiseptik dan disinfektan. Nama lain, racun bakteria.	bahan yang berupaya membunuh bakteria. Bahan-bahan yang mempunyai ciri ini termasuklah antibiotik, antiseptik dan disinfektan.
fibrosis	pembentukan tisu secara penebalan dan pamarutan tisu perantara pada sesuatu struktur atau organ akibat kecederaan, inflamasi dan sebagainya.	penebalan dan pamarutan tisu perantara, seringkali akibat inflamasi atau kecederaan.
forseps	alat menyerupai penyepit yang digunakan untuk mengangkat dan menggerakkan tisu tanpa perlu menggunakan jari, seperti yang digunakan oleh doktor dalam pembedahan.	alat seperti penyepit yang direka bentuk untuk mencengkam otak, terdiri daripada diensefalon dan dua hemisfera serebral.
fremitus	getaran atau goncangan pada sebahagian tubuh, yang dapat dikesan oleh doktor melalui palpasi (pemeriksaan dengan tangan dan hujung jari) atau auskultasi menggunakan stetoskop. Contohnya, getaran yang dirasakan melalui dada apabila pesakit bernafas, bercakap atau batuk.	getaran atau goncangan pada sebahagian tubuh, ditemui melalui palpasi atau auskultasi. Istilah ini sering digunakan untuk getaran yang dirasakan melalui dada apabila pesakit bernafas, bercakap (f. vokal) atau batuk.

Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya konflik pemilihan antara responden pelajar dan pengamal adalah perbezaan tuntutan tugas semasa, ilmu pengetahuan serta persekitaran yang akhirnya mewujudkan pengalaman yang berbeza antara kedua-dua kumpulan responden. Contohnya, perbezaan tahap ilmu pengetahuan menyebabkan responden pelajar tidak dapat mengenal pasti genus yang lebih khusus, misalnya bagi entri *bakterisid*, *agen* merupakan takrif atau *definien* yang lebih khusus bagi *bakterisid* berbanding dengan *bahan*. Selain itu, pengalaman yang kurang juga menyebabkan responden pelajar memilih takrif yang

menampakkan ciri ekstrinsik atau fizikal tanpa memikirkan keperluan memasukkan ciri intrinsik, seperti yang ditunjukkan dalam entri *fibrosis*. Pelajar memilih takrif (*penebalan dan pamarutan tisu perantara, seringkali akibat inflamasi atau kecederaan.*) kerana bagi mereka, yang penting untuk diterangkan bagi fibrosis ialah struktur fizikalnya, iaitu tisu perantara yang menjadi tebal dan berparut serta sebab pembentukannya. Berbeza dengan pengamal yang melihat fibrosis secara lebih terperinci dengan memasukkan unsur cara atau proses yang menghasilkan pembentukan tisu yang sedemikian. Pengalaman yang masih cetek juga menyebabkan pelajar memilih takrif yang terlalu khusus untuk bidang itu sahaja. Misalnya, responden pelajar memilih takrif forseps (*alat seperti penyepit yang direka bentuk untuk mencengkam otak, terdiri daripada diensefalon dan dua hemisfera serebral.*) kerana pendedahan dalam kuliah sehari-hari bahawa pengkhususan itu penting untuk menguasai sesuatu bidang. Oleh yang demikian, takrif tersebut dipilih kerana ia menampakkan salah satu fungsi utama forseps dalam bidang kejururawatan, iaitu untuk mencengkam otak dalam pembedahan. Manakala bagi istilah *palpasi* dalam entri *fremitus*, pelajar memilih takrif (*getaran atau goncangan pada sebahagian tubuh, ditemui melalui palpasi atau auskultasi. Istilah ini sering digunakan untuk getaran yang dirasai melalui dada apabila pesakit bernafas, bercakap (f. vokal) atau batuk.*) kerana bagi mereka istilah palpasi dan auskultasi telah amat difahami dan tidak perlu penjelasan lagi dalam takrif berkenaan. Berbeza dengan responden pengamal yang dalam tugas sehari-hari mereka perlu membuat penjelasan setuntas mungkin yakni dengan menyertakan penjelasan dalam takrif, tentunya memilih takrif yang lebih terperinci seperti takrif (*getaran atau goncangan pada sebahagian tubuh, yang dapat dikesan oleh doktor melalui palpasi (pemeriksaan dengan tangan dan hujung jari) atau auskultasi menggunakan stetoskop. Contohnya, getaran yang dirasai melalui dada apabila pesakit bernafas, bercakap atau batuk.*). Penjelasan terperinci tentang istilah palpasi dalam takrif ini lazim digunakan oleh pengamal untuk menjelaskan istilah atau kata sukar kepada pelanggan mereka. Kelaziman ini menyebabkan mereka memilih takrif berkenaan berdasarkan prinsip relevan yang mengatakan bahawa penggunaan item leksikal yang lazim kepada individu dapat mengurangkan kos pemprosesan seterusnya meningkatkan relevan.

Takrif serasi antara pilihan responden dengan takrif cadangan

Takrif serasi antara pilihan responden dengan takrif cadangan merujuk pada kes apabila kedua-dua kumpulan responden memilih takrif yang sama dengan takrif cadangan. Entri yang termasuk dalam kategori ini ialah entri *akupunktur* dan *wad*.

Entri	Takrif
akupunktur	kaedah perubatan untuk melegakan rasa sakit atau untuk merawat penyakit, dengan mencucuk pusat saraf tertentu pada kulit dengan hujung jarum. Kaedah ini berasal dari negara China.
wad	bilik atau bahagian di sesebuah hospital yang menempatkan para pesakit. Biasanya bilik atau bahagian tersebut menempatkan pesakit yang menghadapi penyakit yang sama untuk menjalani rawatan. Misalnya, wad kecemasan, wad bersalin.

Berbanding dengan entri-entri lain, kedua-dua entri tersebut merupakan entri paling mudah dari segi kelaziman penggunaannya. Malahan kedua-dua entri yang menggunakan item leksikal tersebut, *akupunktur* dan *wad* telah meresap masuk dalam kosa kata umum disebabkan perkembangan teknologi semasa dalam bidang perubatan, walaupun dalam bidang kejururawatan item leksikal berkenaan merupakan istilah bidang. Entri tersebut juga menggunakan item leksikal yang mudah untuk menghuraikannya. Penyusunan maklumat secara mengikut urutan juga membantu menambah kesan kognitif takrif berkenaan, seterusnya meningkatkan relevan. Misalnya, bagi *akupunktur*, maklumat pertama yang dipaparkan ialah genus atau apakah akupunktur, diikuti dengan kaedah menjalankannya dan akhir sekali maklumat tambahan, iaitu asal-usul akupunktur. Pengasingan huraian maklumat tersebut dalam dua ayat berasingan juga dapat meningkatkan kefahaman pengguna. Bagi entri *wad* pula, urutan takrif dimulai dengan genus, iaitu apakah wad, seterusnya fungsi, diikuti dengan maklumat tambahan, iaitu contoh.

Namun demikian, dalam beberapa keadaan tertentu, akibat peningkatan tahap penguasaan ilmu di kalangan masyarakat umum masa kini menyebabkan berlakunya pertindihan kosa kata umum dengan kosa kata khusus. Dengan perkataan lain, dalam sesetengah keadaan, sukar untuk membezakan secara tepat antara kata umum dan istilah. Akibatnya, keadaan ini menghasilkan peratus pilihan yang agak tinggi (purata peratus melebihi 10%) bagi takrif umum untuk beberapa entri yang diuji. Empat entri tersebut ialah *fibrosis*, *bakterisid*, *akupunktur* dan *wad*. Entri *bakterisid* dan *wad* menunjukkan peratus pilihan yang agak tinggi hanya oleh responden pengamal, manakala *fibrosis* dan *akupunktur* menunjukkan peratus pilihan yang agak tinggi oleh kedua-dua kumpulan pengguna. Dalam leksikografi, fenomena ini dikenali sebagai pengguna aktif dan pasif (Hartmann dan James 1998). Pengguna golongan pelajar merupakan pengguna pasif, iaitu pengguna yang merujuk kamus untuk mendapatkan padanan kata bagi takrif, manakala golongan pengamal pula merupakan pengguna aktif yang menggunakan kamus untuk mendapatkan huraian bagi menjelaskan sesuatu kepada pelanggannya.

Peristilahan: Realiti Dua Negara (Malaysia vs Indonesia)

Nor Hashimah dan Junaini (2006) telah melakukan kajian istilah silang budaya. Berdasarkan penandaan kategori tahap ketelusan istilah, didapati bahawa 2,532 (57.6%) daripada 4,393 istilah teknologi maklumat dapat difahami dengan mudah dan dikategorikan sebagai istilah telus, manakala 975 (22.2%) istilah lain memiliki makna yang berbeza dan dikategorikan sebagai istilah konflik. Hanya 886 (20.2%) istilah yang tidak dapat difahami sama sekali dan dikategorikan sebagai istilah legap. Secara keseluruhannya, 42.4% istilah kategori A yang mempunyai padanan berbeza terdiri daripada istilah konflik serta legap, dan boleh menyebabkan gangguan komunikasi antara penutur kedua-dua negara.

1.1.1 Istilah Telus

Istilah yang dikategorikan sebagai telus ialah istilah yang tidak menimbulkan masalah pemahaman kepada pengguna. Meskipun terdapat perbezaan leksikal, perbezaan yang dimaksudkan boleh dianggap minimum kerana kesukaran makna yang timbul dapat diramalkan oleh pengguna. Yang berikut adalah jadual taburan hasil ujian tahap ketelusan istilah kategori telus.

ISTILAH			Malaysia		Indonesia	
INGGERIS	MALAYSIA	INDONESIA	Telus	Konflik	Telus	Konflik
<i>decrement</i>	susutan	kurangan	58	2	55	5
<i>filtering</i>	penapisan	penyaringan	47	13	24	36
<i>interrupt</i>	sampukan	sela	22	38	15	48
<i>network</i>	rangkaian	jaringan	59	1	43	17
<i>stack</i>	tindanan	tumpukan	13	47	32	28
<i>bit pattern</i>	corak bit	pola bit	52	8	49	11
<i>color tool</i>	peralatan warna	perkakas warna	57	3	55	5
<i>data generator</i>	penjana data	pembangkit data	34	26	7	53
<i>binomial coefficient</i>	pekali binomial	koefisien binomial	35	25	30	30
<i>global roaming</i>	perayauan global	roaming global	27	33	16	44
<i>aggregation</i>	pengagregatan	agregasi	40	20	50	10
<i>precompiler</i>	prapengkompil	prakompilator	32	28	35	25
<i>command statement</i>	kenyataan perintah	pernyataan perintah	47	13	11	49
<i>formatted text</i>	teks berformat	teks terformat	30	30	33	27
<i>concrete model</i>	model konkrit	model kongkret	44	16	60	0
<i>current physical system</i>	sistem fizikal terkini	sistem fisik terkini	45	15	52	8
<i>resonance</i>	resonans	resonansi	49	11	60	0

Jadual 6 Tahap Ketelusan Istilah Kategori Telus

Jadual 1 menunjukkan bahawa tidak ada satu pun istilah kategori telus yang disenaraikan diterima sebagai istilah yang telus sepenuhnya oleh penutur bahasa Melayu. Sementara itu, bagi penutur bahasa Indonesia, hanya dua (11.8%) daripada 17 istilah kategori telus yang disenaraikan dapat diterima sebagai istilah yang benar-benar telus. Oleh itu, dengan mengambil kira bahawa setiap responden mempunyai tahap pengetahuan bahasa dan latar belakang yang berbeza, maka dalam kajian ini, tahap ketelusan istilah adalah benar apabila jumlah responden yang bersetuju melebihi 40 orang atau 2/3 daripada jumlah responden bagi tiap-tiap negara.

Istilah Konflik

Istilah konflik ialah istilah yang selalunya akan menimbulkan masalah pemahaman. Daripada data-data yang telah dianalisis, istilah konflik akan muncul apabila sistem fonologi dan morfologi sesuatu istilah jelas berbeza. Kadangkala masalah semantik juga dapat dikesan dalam istilah konflik ini. Jadual 7 menunjukkan taburan hasil ujian tahap ketelusan istilah kategori konflik yang dimaksudkan.

ISTILAH			MALAYSIA		INDONESIA	
INGGERIS	MALAYSIA	INDONESIA	Telus	Konflik	Telus	Konflik
<i>hacker</i>	penggodam	peretas	16	44	11	49
<i>interception</i>	pintasan	tangkap	11	49	3	57
<i>panning</i>	penggerakan	penolehan	8	52	14	46
<i>superbug</i>	superpepijat	superkutu	29	31	9	51
<i>telecommuting</i>	telekerja	telekarya	36	24	43	17
<i>bus slave</i>	hamba bas	budak bas	27	33	32	28
<i>file format</i>	format fail	format berkas	5	55	44	16
<i>template form</i>	borang templat	bentuk templat	20	40	12	48

<i>delete query</i>	pertanyaan hapus	permintaan hapus	20	40	20	40
<i>virtual desktop</i>	atas meja maya	semeja maya	20	40	12	48
<i>changeover</i>	pertukaran	bertukar	41	19	35	25
<i>market data</i>	data pasaran	data pasar	22	38	26	34
<i>equalization</i>	penyamaan	persamaan	51	9	29	31
<i>concealment system</i>	sistem persembunyian	sistem penyembunyian	12	48	30	40
<i>signing key pair</i>	pasangan kunci tandatangan	pasangan kunci penandatangan	47	13	24	36
<i>ATM cell</i>	sel ATM	sal ATM	20	40	33	27

Jadual 7: Tahap Ketelusan Istilah Kategori Konflik

Istilah Legap

Selain istilah telus dan konflik, yang turut ditemukan ialah istilah yang dikategorikan sebagai istilah legap, iaitu istilah yang maknanya tidak dapat difahami sama sekali. Istilah tersebut tidak mampu memberikan klu kepada pengguna istilah akan maksud yang cuba disampaikan. Yang berikut adalah istilah kategori legap yang dipilih secara rawak dan diujikan kepada responden.

ISTILAH			MALAYSIA		INDONESIA	
INGGERIS	MALAYSIA	INDONESIA	Telus	Legap	Telus	Legap
<i>scanner</i>	pengimbas	pemayar	14	46	10	50
<i>unpack</i>	nyahpadat	awapak	2	58	8	52
<i>routing</i>	penghalaan	perutean	5	55	6	54
<i>caption</i>	kapsyen	takarir	1	58	22	38
<i>data diddling</i>	penggodakan data	penyetelan data	11	49	8	52
<i>switching theory</i>	teori pensuisan	teori penyaklaran	5	55	12	48

ISTILAH			MALAYSIA		INDONESIA	
INGGERIS	MALAYSIA	INDONESIA	Telus	Legap	Telus	Legap
<i>cross-ruff</i>	ropol silang	wiru silang	8	52	17	43
<i>statistical software</i>	perisian statistik	perangkat lunak statistik	11	49	13	47
<i>topological sorting</i>	pengisihan topologi	penyortiran topologi	7	53	7	53
<i>security performance</i>	prestasi sekuriti	kinerja sekuritas	6	54	32	27
<i>autoanswer</i>	autojawab	swajawab	12	48	46	14
<i>analysis phase</i>	fasa analisis	fase analisis	43	17	60	0
<i>archive</i>	arkib	arsip	6	54	13	47
<i>bytecode</i>	kod bait	kode bita	17	43	36	24
<i>e-auction</i>	e-lelong	e-lelang	8	52	10	50
<i>error</i>	ralat	galat	10	50	27	33
<i>port</i>	port	porta	33	27	50	10

Jadual 8: Tahap Ketelusan Istilah Kategori Legap

Istilah kategori telus yang dianggap dapat mengganggu kelancaran komunikasi antara penutur bahasa Melayu dengan penutur bahasa Indonesia ialah **sampukan** (Malaysia)-**sela** (Indonesia) untuk padanan *interrupt*. Walaupun kedua-duanya merupakan istilah bentuk tunggal asli-asli, masing-masing diterima dengan makna yang berbeza. Dalam bahasa sumbernya, *interrupt* ditakrifkan sebagai *electronic signal that diverts the central processor in your computer from one task to another* (Collin S.M.H. 2002). Dalam bahasa Melayu *interrupt* bermaksud “isyarat kawalan khas yang memberitahu pemproses utama supaya berhenti mengerjakan tugas yang sedang berjalan dan beralih ke suatu kawasan ingatan tertentu” (GTM2 2000). Dalam bahasa Indonesia istilah *interrupt* ditakrifkan sebagai “kejadian-kejadian sinkron yang merupakan tanggapan pemroses terhadap kondisi tertentu yang memerlukan perhatian”

(Jack Febrian & Farida Andayani 2002). Berdasarkan takrifan tersebut, istilah *interrupt* dipadankan dengan “sampukan” dalam bahasa Melayu dan “sela” dalam bahasa Indonesia.

“Sampukan” berasal daripada kata “sampuk” yang “bererti mencelah (percakapan orang), memotong cakap, mencampuri (hal orang lain)” (*KD3* 1994). Dengan sedikit perluasan makna, kata “sampuk” digunakan untuk menjelaskan konsep “perbuatan mengganggu tugas yang sedia ada dan memaksa supaya beralih kepada tugas yang lain” (*GTM3* 2000). Dalam hal ini, “isyarat kawalan” (yang dikendalikan oleh pengguna komputer) merupakan “pengganggu” atau “penyampuk” yang memaksa pemproses utama berhenti melakukan kerja sedia adanya supaya beralih ke satu tugas yang lain. Akhiran “-an” pada kata sampuk menunjukkan bahawa istilah tersebut bermaksud hasil daripada suatu perbuatan (sampuk) yang dilakukan pengganggu atau penyampuk, sedangkan **sela** yang tidak disertai oleh sebarang bentuk morfologi menerangkan bentuk kata kerja (menyela). Perbezaan konsep (yang tergambar melalui kelas kata) yang dimiliki oleh istilah-istilah tersebut sudah menunjukkan kedua-duanya berbeza.

Walaupun kata “sampuk” juga terdapat dalam kosa kata bahasa Indonesia bagi mendukung makna yang sama seperti yang digunakan oleh penutur bahasa Melayu, kata tersebut jarang-jarang digunakan. Jika dalam bahasa Melayu biasa didengar ungkapan “jangan menyampuk orang tua bercakap”, dalam bahasa Indonesia, yang biasa didengar ialah “jangan menyela orang tua bicara”. Jadi, tidak hairanlah jika *interrupt* dipadankan dengan “sela” dalam bahasa Indonesia yang maksudnya “sesuatu yang tersisip antara dua benda dan sebagainya” (*KBBI* 2001). Ketika penulis cuba mengajukan ungkapan ini kepada seorang responden, ternyata bahawa dia tidak memahaminya. Hanya setelah diberikan sedikit penjelasan sebagai pengayaan maklumat sedia ada barulah difahami bahawa yang penulis maksudkan ialah “menyela”. Ternyata bahawa leksikal “menyampuk” tidak dapat memberikan sebarang klu kepada penutur bahasa Indonesia. Mereka memerlukan usaha memproses maklumat yang lebih tinggi sebelum menjadikan ungkapan tersebut lebih relevan. Dalam kognisi penutur bahasa Indonesia kata sampuk lebih bermaksud “langgar, tabrak, tumbuk, bentur” (*KBBI* 2001), bahkan selalu berkolokasi dengan “kesampukan benda-benda ghaib”.

Meskipun kedua-dua istilah diserap daripada kata umum yang dimiliki oleh kedua-dua bahasa, penggunaannya nyata berbeza. Persilhan penggunaan kedua-dua leksikal tersebut menyebabkan 80% responden Indonesia tidak dapat memahami istilah “sampukan”, manakala 63.3% responden Malaysia menerima istilah “sela” sebagai mendukung konsep yang berbeza. Hal ini menunjukkan adanya ketidakrelevanan leksikal “sampukan” dan “sela” dalam kalangan penutur kedua-dua bahasa. Pada umumnya, penampilan perkataan yang digunakan sehari-hari tetapi mempunyai makna yang berbeza hanya akan menyebabkan gangguan komunikasi. Usaha memproses yang telah dicurahkan oleh kedua-dua belah pihak bagi mencapai kerelevanan istilah tersebut ternyata tidak setimpal. Hakikatnya, andaian awal yang terdapat dalam ensiklopedia pendengar tidak sama dengan maksud yang dihajati penutur.

Kesimpulan

Daripada ketiga-tiga kajian di atas, jelas bahawa peristilahan masih memerlukan perhatian para penggubal. Dapatan kajian yang menunjukkan ramai responden termasuk dalam kategori lemah, konflik di antara pengamal dan pengguna istilah dan konflik padanan makna antara pengguna di Malaysia dan Indonesia merupakan cabaran-cabaran yang perlu diketahui oleh penggubal istilah. Dunia teknologi hari ini memungkinkan masalah ini diatasi. Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) seperti di bawah boleh menjadi wadah terbaru bagi rujukan istilah di hujung jari. Malah dalam laman itu sendiri telah ada *facebook* dan *Gerbang Kata* yang boleh membantu pengguna dalam mendapatkan khidmat nasihat yang berguna.

Juga ditemui dalam : [Panduan](#) ; [Perkhidmatan](#) ; [Artikel](#) ; [Karyawan](#) ; [Ensiklopedia](#) ; [Buku](#) ; [Khidmat Nasihat](#) ; [Peribahasa](#) ; [Multimedia](#) ; [Jurnal](#) ; [Direktori Karyawan](#) ;

Kamus Bahasa Melayu	Kamus Bahasa Inggeris	Istilah MABBIM	Istilah Malaysia	Bahasa Sukuan v2.0
Kamus Melayu Parsi	Kamus Sains	Kamus Teknologi Maklumat	Kamus Thai Melayu Dewan	
Daftar Rumi-Jawi(Ujian)	Kamus Parsi(Ujian)	Kamus Thai(Ujian)		

Kata	Takrif	Sumber
wijaya	kemenangan.	Kamus Pelajar Edisi Kedua
vulkani	vulkan.	Kamus Pelajar Edisi Kedua
ultralembayung	ultraungu.	Kamus Pelajar Edisi Kedua
berzuriat	mempunyai zuriat.	Kamus Pelajar Edisi Kedua
zat kapur	kalsium.	Kamus Pelajar Edisi Kedua
zat hijau	klorofil.	Kamus Pelajar Edisi Kedua
zakar	kemaluan lelaki.	Kamus Pelajar Edisi Kedua
yu jerung	Sphyrnidae.	Kamus Pelajar Edisi Kedua
seyogla	sepatutnya; selayaknya	Kamus Pelajar Edisi Kedua
beryoga	melakukan yoga.	Kamus Pelajar Edisi Kedua

Tesaurus

kamus (kata nama)
 Bersinonim dengan *tesaurus*,
leksikon, *glosari*, *daftar*,
ensiklopedia.

Peribahasa

Lihat selanjutnya...



Jadual : PRPM Dewan Bahasa dan Pustaka

Rujukan

- Boogards, P. 2003. Uses and users of dictionaries. Dlm. Sterkenburg, P. V. (pnyt.). *A practical guide to lexicography*, hlm 26-33. Amsterdam: John Benjamins.
- DBP. 2000. *Glosari teknologi maklumat*. Jil. II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Febrian, Jack & Farida Andayani. 2002. Kosakata Indonesia Malaysia: Serupa tapi tak sama. *Jurnal Rampak Serantau*: 78-88.
- Glosari Pendidikan (Jilid 1). 2005. Kuala Lumpur: DBP
- Hartmann, R.R.K & James, G. 1998. *Dictionary of lexicography*. London: Routledge.
- Hartmann, R.R.K (pnyt.). 1993. *Leksikografi : prinsip dan amalan*. Terj. Zainab Ahmad. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnah binti Mohamad. 2008. Takrif istilah mengikut perspektif pengguna : penerapan teori umum peristilahan (TUP) dan teori relevans (TR). Tesis PhD. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu .
- Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia. 2004. *Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junaini Kasdan . 2007. Perbezaan Tahap Ketelusan Morfosemantik Antara Istilah Teknologi Maklumat Malaysia dengan Indonesia dalam MABBIM. Tesis Sarjana. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu
- Kamus Besar Indonesia. 2001. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
- Kamus Dewan*. Ed. ke-4. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Filologi. 1995. Kuala Lumpur: DBP
- Kamus Jururawat*. 2003. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Kamus Sains Politik Pentadbiran Awam. 2009. Kuala Lumpur: DBP

LAMPIRAN 1

Soal Selidik Penggunaan Istilah Majlis Bahasa Melayu Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM)

Maklumat Biodata:

Umur: _____

Jantina: Lelaki / Perempuan

Umur: _____

Fakulti: _____

Sila jawab soalan di bawah. Jawab 'Ya' atau 'Tidak'

Bil	Soalan	Ya	Tidak
1	Anda tahu apa itu istilah		
2	Istilah adalah sama dengan bahasa harian		
3	Anda belajar mengenal istilah semasa di sekolah menengah lagi		
4	Anda banyak menggunakan istilah semasa menulis esei		
5	Anda tahu bahawa setiap bidang ada istilah tersendiri.		
6	Penggunaan istilah khusus akan meningkatkan mutu esei anda		
7	Media massa berperanan menyebarkan penggunaan istilah		
8	Dewan Bahasa dan Pustaka adalah penggubal istilah di Malaysia		
9	Anda tahu bahawa anda boleh mencipta istilah sendiri		
10	Pernahkah anda mendengar tentang MABBIM		
11	Anda sukar mendapatkan buku peristilahan		
12	Adakah anda berusaha melawat laman sesawang DBP untuk merujuk istilah		

Sila gariskan istilah yang sesuai dalam teks ini

Teks 1

Malaysia mesti memilih ekonomi terbuka dan lebih anjal, meningkatkan pembabitan dengan rakan serantau, memperoleh pelaburan dan membuka industri untuk meningkatkan persaingan, bagi menikmati kemakmuran pada masa depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini. Beliau berkata Malaysia juga mesti memperkukuh pelaburan domestik, memajukan syarikat berkaitan kerajaan dan sektor swasta sebagai juara dunia dan serantau serta menyediakan ruang untuk perusahaan kecil dan sederhana tempatan untuk bersaing di peringkat dunia. Najib berkata Program Transformasi Ekonomi (ETP) mempunyai matlamat jelas mengenai jenis ekonomi yang mahu diwujudkan, termasuk merangsang pelaburan asing, meningkatkan permintaan domestik dan memastikan ganjaran pertumbuhan mampan dinikmati oleh semua rakyat Malaysia.

Teks 2

Perbezaan ketara yang kita dapat lihat di antara undang-undang awam dan undang-undang (sivil) ialah undang-undang awam melibatkan hubungan di antara kerajaan dengan rakyat manakala undang-undang persendirian (sivil) pula melibatkan hubungan di antara rakyat dengan rakyat. Oleh itu, jika kita dapat perhatikan dalam kes-kes mahkamah yang melibatkan undang-undang awam contohnya undang-undang jenayah, perbicaraan yang dijalankan adalah di antara pihak pendakwaraya dari pejabat peguam negara atau pegawai pendakwa daripada pasukan polis yang mewakili kerajaan menjalankan prosiding jenayah. Manakala dalam undang-undang persendirian (sivil) seperti kes-kes yang melibatkan perselisihan di antara dua pihak berkaitan dengan kontrak perjanjian, perbicaraan adalah di antara dua pihak yang bersengketa tersebut dan selalunya diwakili oleh peguam masing-masing. Tindakan undang-undang ini dipanggil sebagai prosiding sivil di mana pihak mendakwa dipanggil sebagai plaintif manakala pihak yang didakwa dipanggil sebagai defendan.

Teks 3

Kita sebagai masyarakat Islam yang berkongsi sebuah negara dengan masyarakat bukan Islam yang lain perlu lebih perihatin dan mampu memilih makanan yang halal mengikut syarak. Masyarakat bukan Islam di Malaysia perlu dijelaskan dengan lebih mendalam tentang konsep halal-haram makanan mengikut perspektif Islam yang sebenarnya. Kita perlu mengubah tanggapan mereka bahawa makanan yang halal bukan makanan daripada babi

sahaja tetapi juga meliputi pelbagai konsep lain yang perlu dijelaskan dengan lebih mendalam. Antara konsep yang perlu diambil perhatian adalah:

1. Punca makanan tersebut iaitu seperti daging yang digunakan. Kebanyakan masyarakat bukan Islam menganggap hanya khinzir makanan yang haram dalam Islam tetapi mereka perlu dijelaskan tentang konsep binatang yang haram dimakan dalam Islam seperti binatang yang bertaring serta binatang yang hidup dua alam dan binatang yang jijik seperti cicak dan sebagainya.
2. Seterusnya ialah kaedah penyembelihan haiwan. Masyarakat bukan Islam tidak tahu konsep penyembelihan haiwan dalam Islam. Lebih menakutkan adalah sekiranya mereka sendiri yang menyembelih haiwan tersebut dan menjual di pasaran terbuka. Sedangkan antara syarat penyembelihan dalam Islam adalah penyembelih mestilah orang Islam. Selain itu, peniaga makanan bukan Islam juga perlu memastikan haiwan yang mereka beli di pasaran dibeli daripada peniaga Islam atau dari syarikat penyembelihan yang mendapat pengiktirafan halal oleh JAKIM.

Teks 4

Simpulan bahasa Melayu adalah salah satu jati diri bahasa Melayu. Simpuln bahasa adalah ungkapan bahasa tersurat yang mempunyai makna tersirat. Ungkapan simpulan bahasa ini tidak mempunyai nama pengarang dan bersifat sejagat. Semua bahasa di dunia mempunyai simpulan bahasa. Cuma imej dan simbol yang dipakai adalah bersesuaian dengan budaya setempat. Simpuln bahasa dihasilkan bertujuan untuk mendidik. Simpuln bahasa merentasi kesemua aspek kehidupan orang Melayu. Yang akan menjadi fokus kepada kajian ini adalah imej dan perlambangan yang dipakai dalam membina simpulan bahasa. Kemudian kajian ini akan meneroka kesan daripada penghasilan simpulan bahasa ini. Ada selapis lagi makna yang telah kita perolehi daripada makna asal simpulan bahasa tersebut.

TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA ANDA